

Untuk Siaran Segera

PENGERUSI WANITA PERTAMA MAJLIS GETAH MALAYSIA, YB DR. DAROYAH ALWI CIPTA SEJARAH SETELAH 20 TAHUN PENUBUHAN

KUALA LUMPUR, 12 Oktober 2021: Majlis Getah Malaysia (MRC) baru-baru ini telah mengumumkan pelantikan Yang Berhormat Dr. Daroyah binti Alwi sebagai Pengerusi MRC yang baharu menggantikan Yang Mulia Raja Dato' Haji Idris Raja Kamarudin sejak 1 Oktober 2021 yang lalu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MRC, Nurul Islam Mohamed Yusoff berkata, pelantikan ini mempunyai sejarah yang tersendiri dalam lebih 20 tahun penubuhannya sebagai sebuah agensi kerajaan kerana ini merupakan kali pertama MRC diterajui oleh wanita.

"Pengurusan MRC amat mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dr. Daroyah dan kami yakin dengan pengalamannya sebelum ini, beliau dapat memberikan sumbangan yang terbaik untuk MRC terus maju ke hadapan," jelasnya lagi.

"MRC juga turut menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Mulia Raja Dato' Haji Idris Raja Kamarudin, Mantan Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah Majlis Getah Malaysia atas segala bimbingan dan perkongsian ilmu selama kepimpinan beliau dalam pengurusan MRC," kata Nurul Islam.

Sementara itu, Yang Berhormat Dr. Daroyah berkata beliau percaya dengan pasukan kepimpinan MRC yang akan bersama-sama dengannya dalam mendepani cabaran yang mendatang dan akan memanfaatkan segala pengalamannya dalam menerajui tunggak kepimpinan MRC.

"Saya akan terus komited dalam membangunkan dan memperkasakan Majlis Getah Malaysia bukan sahaja dalam sector industry getah di pasaran tempatan namun juga di mata dunia," ujar Yang Berhormat. [TAMAT]